

Bab 1

Pendahuluan

1.1 Tajuk Kajian - Pertubuhan Orang Cacat Cina Malaysia

1.2 Tujuan dan Bidang Kajian

Kecacatan merupakan salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh segolongan masyarakat yang kurang bermasib baik. Oleh kerana setengah-setengah anggota badan mereka telah kehilangan fungsinya, maka aktiviti asas sehari-hari tidak dapat dilakukan. Dengan demikian mereka memerlukan bantuan dari masyarakat di sekeliling mereka agar kehidupan menjadi lebih sempurna.

Menurut laporan Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia, jumlah orang cacat pada akhir tahun 1989 ialah seramai 40,740 orang. Angka ini terus meningkat ke 43,593 orang pada tahun 1990. Jadual berikut menunjukkan kedudukan daftar mengikut jenis kecacatan pada tahun 1989 dan 1990.¹

Jadual 1

Jumlah Orang Cacat Yang Berdaftar Mengikut Jenis

Kecacatan (Tahun 1989 dan 1990)

Jenis Kecacatan	1989	1990
Cacat Penglihatan	9126 orang	9468 orang
Cacat Pendengaran	7560 orang	8114 orang
Cacat Anggota	14625 orang	15643 orang
Terencat Akal	9419 orang	10368 orang
Jumlah Besar	40740 orang	43593 orang

Sumber : Buletin Perangkaan Kebajikan 1989 Dan 1990

Walaupun jadual menunjukkan jumlah orang cacat yang ramai, tetapi menurut Pegawai yang telah ditemui, tidak semua orang cacat berdaftar di Kementerian Kebajikan, oleh itu angka-angka yang telah disenaraikan tidak mewakili jumlah sebenar orang cacat yang ada di negara kita. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh pihak Perkembangan Sosial, Kementerian Kebajikan, antara penduduk yang lebih daripada 17,000,000 orang di Malaysia, orang cacat merupakan 1% daripada jumlah penduduk. Dari jumlah ini, hanya 41,170 orang cacat sahaja yang mendaftarkan diri pada akhir bulan April, 1990.

Banyak usaha dan tenaga telah dan sedang

dicurahkan oleh kerajaan, tetapi adalah nyata bahawa perkhidmatan yang disediakan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan orang cacat. Dalam hal ini, pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang wujud di negara ini memainkan peranan penting dalam menyokong usaha kerajaan memperluaskan dan mempertingkatkan perkhidmatan kebajikan sosial untuk kesejahteraan rakyat khususnya golongan yang malang, daif dan berkeperluan. Kementerian memberi bantuan geran kepada pertubuhan-pertubuhan yang didapati memerlukan bantuan kewangan untuk mengendalikan dan memperluaskan kegiatan mereka. Misalnya pada tahun 1987, sebanyak 85 buah pertubuhan kebajikan sukarela telah diberi geran bantuan³. Di antaranya tidak kurang daripada 50 buah pertubuhan yang memberi bantuan kepada orang cacat di peringkat kebangsaan dan peringkat negeri⁴. Berbagai jenis perkhidmatan dan kegiatan telah disediakan untuk membantu golongan ini agar mereka dapat menikmati peluang yang sama serta dapat hidup dengan sempurna seperti anggota masyarakat yang lain.

Kajian ilmiah ini bertujuan untuk meneliti fungsi pertubuhan orang cacat sukarela. Persoalannya ialah sekadar mana berkesannya bantuan dan perkhidmatan yang telah disediakan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut dan berdasarkan persoalan tersebut, pengkaji cuba melihat keberkesanan pertubuhan kepada golongan sasaran. Apakah

masalah sebenar orang cacat dan apa bantuan yang diharapkan dari pertubuhan yang mereka anggotai? Adakah pertubuhan yang mereka anggotai benar-benar membantu mengatasi masalah yang mereka hadapi? Ini adalah persoalan pokok yang akan dibincangkan dalam laporan penyelidikan ini.

Kajian ini memilih orang cacat anggota sebagai bidang yang dikaji di mana ia merupakan kategori terbesar di antara beberapa jenis kecacatan. Tumpuan kajian adalah kepada Pertubuhan Orang Cacat Cina Malaysia (OCCM).

1.3 Kepentingan Kajian

Menurut pegawai Bahagian Pemulihan Orang Cacat, Kementerian Kebajikan Malaysia, sehingga hari ini, masih kekurangan suatu penyelidikan sistematik dan menyeluruh mengenai masalah dan perkhidmatan orang cacat yang pernah dijalankan di negara kita.⁵ Kajian-kajian adalah penting untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan di samping memperluaskan liputan perkhidmatan pertubuhan kerajaan dan badan sukarela. Justeru itu diharapkan kajian ini, walaupun bukan merupakan satu kajian orang cacat yang menyeluruh, akan memberi sumbangan kepada pengetahuan untuk kajian yang lebih sempurna pada masa depan. Di samping itu, diharapkan kajian ini akan memberi suatu gambaran tentang masalah dan keperluan orang cacat yang sebenarnya. Dengan

demikian, harapan pengkaji semoga dapat diwujudkan kesedaran kepada isu kebangsaan ini dan mengadakan usaha sukarela ke arah matlamat dan aspirasi negara untuk membina sebuah masyarakat yang sihat dan maju.

1.4 Tempat Kajian

Pengkaji telah memilih Pertubuhan Orang Cacat Cina Malaysia (OCCM), iaitu suatu pertubuhan perkhidmatan kebajikan sukarela untuk mereka yang cacat anggota sebagai sampel kajian ini. Kesemua ahli-ahlinya merupakan mangsa kecacatan fizikal yakni cacat pada tangan atau kaki, atau lebih dikenali sebagai lumpuh. Pertubuhan ini dipilih memandangkan ia terletak berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji. Pusat pentadbirannya terletak di Petaling Jaya, kira-kira 35 minit dengan menaiki bas dari tempat tinggal pengkaji. Di samping itu, pengkaji kenal beberapa orang ahli pertubuhan ini dan biasa mendengar tentang aktiviti serta keadaan Pertubuhan. Ini telah memberi rangsangan kepada pengkaji untuk mengetahui dan mengenali pertubuhan ini dengan lebih mendalam untuk meneliti keberkesanan bantuan yang diberikan kepada golongan orang cacat.

1.5 Kaedah Kajian

Beberapa kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah :

a) Kajian di perpustakaan- Kaedah ini penting untuk meneliti hasil-hasil kajian yang pernah dijalankan oleh para penyelidik lain yang ada hubungan dengan tajuk kajian pengkaji. Ulasan mengenai karya-karya tulisan terpilih merupakan suatu langkah yang tidak harus diabaikan kerana ilmu pengetahuan baru dibina atas ilmu pengetahuan yang lama.⁶

Di samping itu, banyak masa telah diperuntukkan dalam kajian di Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk mendapat maklumat mengenai perangkaan dan taburan orang cacat, jenis bantuan dan perkhidmatan serta kajian dokumen-dokumen penting. Selain daripada itu, temuduga dengan pegawai-pegawai dalam bidang berkenaan juga dijalankan.

b) Pengumpulan Data

Di dalam proses pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan 4 cara utama iaitu temuduga secara peribadi, soal selidik, pemerhatian dan dari bahan-bahan dokumen. Pemerhatian dan soal selidik telah menjadi kaedah yang penting dan paling utama untuk pengkaji mengumpul data.

Senarai nama ahli pertubuhan telah menjadi sumber penting untuk mendapatkan responden-responden penyelidikan. Temuduga responden telah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu :

- a) Temuduga dengan ahli di kawasan Kuala Lumpur.
- b) Temuduga dengan ahli di luar kawasan Kuala Lumpur.

Perkhidmatan telefon telah digunakan dalam temuduga peringkat pertama untuk menghubungi dan mendapatkan persetujuan temuduga dari responden yang dipilih. Selepas itu, bala pengkaji pergi ke rumah responden tersebut.

Temuduga peringkat kedua iaitu temuduga dengan ahli-ahli di luar kawasan Kuala Lumpur sempat dijalankan semasa pertubuhan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang ke 14 pada 30hb.Jun 1991 di Asia Hotel,Kuala Lumpur di mana ahli-ahli yang tinggal di negeri lain telah datang menyertainya.Sempena Mesyuarat Agung Tahunannya,Pertubuhan telah mengadakan Pertandingan Nyayian Karaoke sehari sebelum mesyuarat tersebut. Pengkaji mengambil kesempatan tersebut untuk menemuduga ahli-ahli dari luar Kuala Lumpur/Selangor. Ahli-ahli dapat dikenali kerana mereka memakai tag nama yang menandakan negeri asal mereka. Seramai 40 orang responden telah ditemuduga dalam kajian ini.

1.6 Konsep Kecacatan

Sebelum meneruskan penerangan yang seterusnya, di sini diberikan definisi beberapa perkataan yang akan digunakan sepanjang kajian ilmiah ini.Dalam bahasa Inggeris, perkataan kecacatan merangkumi 2 konsep yang agak

berbeza, yakni "Handicap" dan "Disabled". Menurut ulasan Hamilton (1950)⁷, "Disability" boleh disifatkan sebagai sesuatu keadaan yang kekurangan sesuatu, sama ada dari segi fizikal atau mental. Keadaan yang sedemikian telah mempengaruhi fungsi anggota badan seseorang mangsa.

Allan T. Sutherland pula memberi suatu definisi yang lebih mudah difahami mengenai konsep "Disabled" di mana beliau mengatakan bahawa masyarakat yang "Disabled" adalah difahamkan sebagai segolongan masyarakat yang kecil, yang mudah dikenali dari masyarakat keseluruhan-nya kerana keadaan mereka yang berbeza daripada masyarakat yang dianggap sebagai "biasa". Masyarakat "disabled" menghadapi masalah mobiliti dan biasanya, perkataan "disabled" adalah merujuk kepada mereka yang terpaksa menggunakan kerusi beroda disebabkan kecacatan mereka.

Friedson (1965)⁹ dalam karyanya pula menjelaskan seseorang itu adalah "handicap" kerana ia telah 'deviates' dari keadaan yang dianggap sebagai normal dan sesuai dari norma-norma masyarakat.

Menurut The Concise Oxford Dictionary pula, kedua-dua konsep didefinisikan sebagai sesuatu keadaan di mana seseorang terpaksa mengalami penderitaan kerana kecacatan dari segi fizikal atau mental atau kedua-duanya yang telah menghilangkan atau mengurangkan kuasa mereka untuk

berjalan atau melakukan aktiviti-aktiviti sehari-hari.

Dari Petikan di atas jelas bahawa kedua-dua istilah 'disabled' atau 'handicap', merujuk kepada segolongan masyarakat yang seolah-olah luar biasa daripada apa yang dikatakan normal. Mereka adalah segolongan masyarakat yang kurang bernasib baik dan terpaksa hidup dalam kesusahan akibat daripada kecacatan mereka.

Kedua-dua konsep ini,yakni 'disabled' dan 'handicap' dapat digantikan dengan perkataan 'cacat' atau 'kecacatan' dalam Bahasa Malaysia yang merangkumi kecacatan fizikal dan mental. Menurut kamus Dewan Bahasa ¹¹,perkataan cacat membawa maksud :

"kurang atau keadaan kurang sempurna (lengkap, baik) pada badan (benda ,perbuatan ,akhlik, batin dan lain-lain)."

manakala perkataan 'kecacatan' membawa maksud :

"perihal (keadaan,sifat dan sebagainya) kurang sempurna ,kekurangan atau keadaan yang menjelaskan sesuatu."

Memandangkan bidang kajian ini adalah merujuk kepada mereka yang cacat anggota,maka perkataan cacat atau kecacatan fizikal yang digunakan sepanjang kajian ini adalah

merujuk kepada orang cacat cacat anggota, yakni segolongan masyarakat yang kurang sempurna pada anggota badan iaitu tangan atau kaki yang menyebabkan kehidupan dan aktiviti seharian mereka terjejas.

Kecacatan fizikal boleh disebabkan oleh penyakit, kemalangan dan kecacatan semulajadi sejak lahir. Setengah kecacatan fizikal hanya wujud dalam suatu tempoh masa yang singkat, misalnya seorang budak yang telah mencederakan lengan atau kakinya akan cepat sembuh, katakan dalam masa satu atau dua bulan. Tetapi setengah kecacatan boleh kekal sepanjang hidup seseorang. Kecacatan jangka panjang boleh diakibatkan oleh banyak sebab. Misalnya kecacatan sejak lahir atau jika seseorang ibu jatuh sakit semasa hamil. Ia juga boleh disebabkan apabila seseorang bayi lahir terlalu awal.

Setengah penyakit boleh menyebabkan kecederaan pada tulang, otot dan sistem saraf pesakit. Penyakit jenis ini dikenali sebagai POLIO. Ia merupakan salah satu penyakit yang boleh menghancurkan sistem saraf pesakit dan akibatnya kegiatan otot lengan, kaki dan dadanya akan terganggu. Polio merupakan penyakit utama yang membawa kepada kecacatan jangka panjang.

Selain daripada itu, kemalangan serius yang membawa kepada kecederaan pada tangan atau kaki atau

kedua-duanya juga merupakan salah satu sebab yang membawa kepada kecacatan jangka panjang. Seseorang yang telah cedera tulang belakangnya akan kehilangan kegunaan setengah-setengah bahagian tubuh badannya, misalnya tangan dan kaki. Keadaan sedemikian dikenali sebagai PARALYSIS.

Orang cacat perlu mempelajari cara hidup mereka yang tersendiri sebelum dapat mencapai matlamat lain dalam kehidupannya. Mereka memerlukan bantuan doktor, guru serta therapists khas dan di bawah bantuan mereka, ramai daripada orang cacat dapat memulihkan kegunaan anggota badannya ke suatu tahap yang tertentu. Ada juga yang dapat menyesuaikan diri dalam cara hidup mereka yang khas dan penuh dengan cabaran.¹²

1.7 Khidmat Sosial Untuk Orang Cacat Di Malaysia

Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia telah ditubuhkan untuk mengendalikan perkhidmatan yang sangat diperlukan untuk orang cacat yang meliputi cacat penglihatan, cacat pendengaran, cacat anggota dan cacat akal. Perkhidmatan yang disediakan tertumpu kepada penjagaan yang rapi, rawatan dan pemulihian serta pendidikan dan latihan vokasional yang sesuai dengan keadaan kecacatan dan keupayaan mereka. Penekanan adalah kepada usaha untuk membantu orang-orang cacat menyesuaikan diri serta

dapat hidup berdikari sebagai anggota masyarakat yang berguna.¹³ Secara ringkasnya,Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia di bawah program Bahagian Perkhidmatan Pemulihan Orang Cacat telah dan sedang melancarkan bentuk bantuan seperti berikut :¹⁴

- 1) Jagaan dan perlindungan
- 2) Latihan sosial dan pemulihan
- 3) Latihan vokasional
- 4) Penempatan kerja
- 5) Pemulihan dalam komuniti
- 6) Perkhidmatan kaunselling dan bimbingan
- 7) Bantuan kewangan dan alat tiruan/otopedik
- 8) Perkembangan iktisad
- 9) Perluasan kemudahan bagi orang cacat
- 10) Penglibatan dan penyertaan masyarakat

Untuk melaksanakan program-program yang tersebut,kerajaan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan 7 buah pusat pemulihan orang cacat di seluruh negara yang terletak di Cheras, Tampoi, Seremban,
¹⁵ Kuala Kubu dan sebagainya.

Walaupun berjuta-juta ringgit telah diperuntukan untuk mengendalikan projek-projek kebajikan pada setiap setiap tahun, tetapi jelaslah bahawa bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan masih tidak mencukupi. Justeru itu,

khidmat kebajikan yang disediakan oleh badan-badan sukarela adalah amat diharapkan.¹⁶

NOTA BAB

1. Buletin Perangkaan Kebajikan 1989 (Perkhidmatan Luar), ms.34 dan Buletin perangkaan Kebajikan 1990 (Perkhidmatan Luar),ms.34,Cetakan Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia. Maklumat lanjut untuk perangkaan orang cacat di Malaysia sila rujuk Lampiran 2.
2. Akhbar Sin Chew Jit Poh, 23hb.Disember 1990.
3. Dokumen mengenai Urusan Pertubuhan Kebajikan Sukarela, Cetakan Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia,Tahun 1990.
4. Senarai Nama Dan Alamat Pertubuhan Sukarela Di Bawah Bantuan Geran Kerajaan Peringkat Kebangsaan Dan Negeri, Cetakan Kementerian Kebajikan Masyarakat, Bhg. Perkembangan Sosial,Tahun 1990.
5. Akhbar Thong Pau, 23hb.July 1990.
6. Ayob, A. Mahdzan : Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Cetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Tahun 1983,ms.36.
7. Beatrice A.Wright : Physical Disability - A Psychologi-

cal Approach, Department of Psychology University of Kansas, Harper & Row Publishers, 1960, ms.9.

8. Allan T. Sutherland : Disabled We Stand, Souvenir Press Ltd., 1981, ms.13.
9. Mildred Blaxter : The Meaning Of Disability - A Sosio-gical Study Of Impairment, Heinemann Educational Books Ltd., 1976, ms.3.
10. R. E. Allen : The Concise Oxford Dictionary Of Current English, Clarendon Press, Eighth Edition, 1990, ms.331 & 535.
11. Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, Edisi 1989, ms.184 & 185.
12. Kurl Kassulke : A Look At Physical Handicaps, Lerner Publications Company, Minneapolis, 1976, ms.1 - 30.
13. Dokumen Mengenai pendaftaran Pekerja Sukarela, Cetakan Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia, Okt., 1988.
14. Dokumen Mengenai Program Bahagian Perkhidmatan pemulihan Orang Cacat, Cetakan Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia, Tahun 1969, ms.3.
15. Keterangan lanjut untuk Institusi-institusi dan bilangan pelatih yang mengikuti latihan atau

pemulihan dalam institusi-institusi tersebut sila rujuk Lampiran 2.

16. Keterangan lanjut mengenai peruntukan kerajaan persekutuan bagi belanja mengurus perkhidmatan orang cacat sila rujuk Lampiran 2.